

Kerajaan negeri sumbang RM12,000 kepada KUTKM

AYER KEROH, 8 Feb. : Sejumlah RM12,000 telah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka bagi merealisasikan program Penggalakan Sains dan Teknologi anjuran Pusat Perkhidmatan Akademik, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang akan berlangsung pada 14 hingga 15 Februari ini di Hotel Century Mahkota, di sini.

Dalam majlis tersebut, cek sumbangan kerajaan negeri telah diserahkan oleh Pengangur Bersama Program, Datuk Ab. Karim Sulaiman kepada Dekan Bahagian Perkhidmatan Akademik KUTKM, Prof. Madya Dr. Su'aidi Datuk Safei.

Menurut Ab. Karim, program seperti ini seharusnya diadakan bagi mengukuhkan bidang Sains

dan Teknologi sekaligus menambahkan lebih ramai pengkaji yang terdiri daripada warganegara Melayu-sia.

Jelasnya, ia juga merupakan satu forum penting yang akan memantapkan lagi jaringan kerja para ahli akademik, ahli sains, jurutera dan teknologi dari seluruh negara selain memperkembangkan ilmu dalam bidang sains serta

mengaplikasikannya dalam industri.

Katanya, majlis tersebut akan dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Mohd Jarjis sementara penutupan akan disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd Seri Ali Rustam.

Sementara itu, Dr. Su'aidi turut menambah di mana objektif utama program ini diwujudkan adalah untuk berkongsi hasil penyelidikan dalam bidang Sains dan Aplikasi Sains dalam industri di Malaysia.


Tambahan lagi, ia juga dapat dijadikan sebagai perkongsian maklumat mengenai peranan sektor kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan dalam memajukan bi-



Su'aidi

dang ini terutamanya di Malaysia.

Jelasnya, program ini berlangsung di peringkat Kebangsaan dengan mengundang wakil pensyarah dari



Su'aidi menerima cek sumbangan oleh kerajaan negeri daripada Ab. Karim

pada semua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) di mana ia merupakan kali pertama diadakan oleh kolej ini.

Ujarnya, format program ini berbentuk pembentangan mengenai hasil-hasil penyelidikan untuk dikongsi bersama melibatkan para penyelidik, pensyarah dan jurutera dari sektor awam dan swasta di seluruh negara yang terlibat secara langsung dalam bidang sains dan aplikasi sains dalam industri.

Sehubungan itu, beliau berharap supaya program ini dapat berlangsung dengan sempurna selain memerlukan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini sepenuhnya.

PERBADANAN STADIUM MELAKA IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan-jawatan berikut :

1. Nama Jawatan	: Penolong Pegawai Pemasaran dan Jualan
Klasifikasi	: Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	: Sokongan
Gred	: N27
Taraf Jawatan	: Kontrak
Jadual Gaji	: P1 TI RM963.64 - P1 T26 RM2421.69

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan atau dengannya oleh kerajaan ; atau
 - (ii) Diploma dalam bidang pemasaran dan jualan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred N27 : P1 T 1)
- (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. Nama Jawatan	: Pekerja Rendah Awam
Klasifikasi	: Perkhidmatan Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir